

# KENYATAAN MEDIA

---

## PEMBUKAAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT BANDAR TASIK PUTERI, LEBUHRAYA LATAR

Rawang: Persimpangan Bertingkat Bandar Tasik Puteri, Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR) yang dibuka secara rasmi oleh Y.Bhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara bukan sahaja akan memberi manfaat kepada pengguna, malah bakal memacu aktiviti dan pertumbuhan ekonomi di kawasan berkenaan.

Dibina dengan menggunakan peruntukan Dana Mudahcara di bawah inisiatif Kerajaan melalui Unit Kerjasama Awam Swasta sebanyak RM71.4 juta, persimpangan ini akan menjadi laluan alternatif kepada penduduk Bandar Tasik Puteri dan kawasan sekitarnya termasuklah bagi kemudahan penduduk Batu Arang, Country Home dan lain-lain.

Projek ini yang melibatkan pembinaan Persimpangan "*Semi-Clover Leaf*", mempunyai laluan empat (4) lorong bagi kedua-dua arah, manakala untuk "Loops" pula laluan dua (2) lorong di kedua-dua hala serta dua (2) lorong bagi laluan Susur Masuk dan Keluar ke Lebuhraya LATAR. Projek ini telah disiapkan enam bulan awal dari tarikh jangkaan.

Persimpangan ini akan memberikan akses terus kepada Lebuhraya LATAR dan mampu menyelesaikan masalah kesesakan trafik di Bandar Baru Kundang serta Jalan Rawang-Batu Arang yang mana pada masa ini ia merupakan akses utama bagi penduduk Bandar Tasik Puteri untuk keluar dan masuk ke Lebuhraya LATAR.